

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23 October 2015

Penanda aras hala tuju negara - Najib

KUALA LUMPUR 22 Okt. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Bajet 2016 adalah amat penting sebagai penanda aras kepada hala tuju negara pada masa hadapan.

Menurut Perdana Menteri, bajet yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat esok juga amat bermakna kerana merupakan bajet pertama

dalam Rancangan Malaysia Ke-H (RMK-II).

"Insya-Allah, saya akan membentangkan Bajet 2016 esok. Ini adalah bajet pertama kita dalam RMK-11 dan ia penting sebagai penanda aras kepada hala tuju negara di masa hadapan," katanya dalam satu kenyataan di laman Facebook

miliknya hari ini.

Jelas Najib, orang ramai boleh mengikuti siaran langsung pembentangan bajet itu menerusi laman najibrzak.com bermula pukul 4 petang esok.

Sementara itu, dalam laman Facebook yang sama, Perdana Menteri turut memuat naik gambar beliau

dalam majlis makan malam sempena Forum Transformasi Global semalam.

Antara ahli panel fonun berkenaan yang bersamanya adalah bekas Gabenor California, Arnold Schwarzenegger; juara Olimpik, Carl Lewis dan Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan

Pelaksanaan (Pemandu), Datuk Seri Idris Jala.

"Saya berpeluang untuk bertukar-tukar pandangan dengan tetamu kehormat, ahli-ahli panel dan para speaker dari Forum Transformasi Global menerusi majlis makan malam yang diadakan," katanya.

UM-23/10/2015